

## **Yang di-Pertuan Agong Terima Menghadap Putera Mahkota Bahrain**

**Bernamea**

**23 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menerima menghadap Putera Mahkota Bahrain Putera Salman bin Hamad Al-Khalifa di Istana Negara di sini.

Seri Paduka Baginda meluangkan masa kira-kira 15 minit bersama Putera Salman yang juga Timbalan Perdana Menteri Bahrain. Hadir sama Menteri Luar Bahrain Shaikh Khalid bin Ahmed Al Khalifa dan beberapa pegawai kanan kerajaan itu.

Turut hadir Timbalan Menteri Luar Malaysia Senator A. Kohilan Pillay selaku menteri pengiring.

Putera Salman yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Malaysia sehingga esok dijadual mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhiddin Yassin pada Sabtu.

Semalam Putera Mahkota itu melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Lawatan kerja itu merupakan yang pertama bagi peringkat tertinggi Bahrain ke Malaysia sejak 2010.

Bahrain merupakan rakan dagangan Malaysia yang kesembilan terbesar di rantau Asia Barat dan jumlah keseluruhan pelaburan Malaysia di Bahrain terutama dalam sektor kewangan dan pembinaan juga menggalakkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936756>